



SUK.D200(06)463/2 JLD.9 (37)

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI
BILANGAN 2 TAHUN 2020

KAEDAH PEMBAYARAN GANTIAN CUTI REHAT (GCR) DIBAYAR TERUS KEPADA WARIS BAGI
PEGAWAI KERAJAAN NEGERI KELANTAN YANG MENINGGAL DALAM PERKHIDMATAN

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 2 Tahun 2020 bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

2. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa **mulai 1 Januari 2020**.
3. Pekeliling Perkhidmatan berkenaan boleh dimuat turun melalui laman web www.kelantan.gov.my.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"

DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN HAJI TENGKU JAAFAR, D.P.S.K. (Kelantan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
KOTA DARULNAIM

Bertarikh :

CPKB
for 15/5/2020

Kepada: Semua Ketua Jabatan Negeri
Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Bahagian/Unit Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

TINDAKAN Daripada: TYDP	
SU	
KPP	
KPA	
IB	
PZ	
PPP	
BENDAHARI	
PTM	
PAZ	
PB	
PPA	
PW	
NOTA:	



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 2 TAHUN 2020

KAEDAH PEMBAYARAN GANTIAN CUTI REHAT (GCR) DIBAYAR TERUS KEPADA WARIS BAGI PEGAWAI KERAJAAN NEGERI KELANTAN YANG MENINGGAL DALAM PERKHIDMATAN

1. TUJUAN

Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini dikeluarkan adalah bertujuan untuk menjelaskan mengenai Kaedah Pembayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) Dibayar Terus Kepada Waris Bagi Pegawai Yang Meninggal Dalam Perkhidmatan Kerajaan Negeri Kelantan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Gantian Cuti Rehat (GCR) adalah Award wang tunai yang diberi kepada Anggota Perkhidmatan Awam yang tidak dapat menghabiskan cuti rehat disebabkan kepentingan perkhidmatan.

- 2.2 Gantian Cuti Rehat (GCR) telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 1974 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1/1974 dan hanya diberikan kepada Anggota Tetap (termasuk pegawai dalam tempoh percubaan) dan Anggota Sementara dalam Perkhidmatan Awam. Pengumpulan cuti bagi tujuan Gantian Cuti Rehat (GCR) adalah mengikut peruntukan para 21(1) Peraturan Pencen 1980, Perintah Am Bab C dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2008 yang memperuntukkan Gantian Cuti Rehat boleh dikumpul sebanyak 150 hari sepanjang tempoh perkhidmatan.

- 2.3 Mengikut Peraturan 21, Peraturan-peraturan Pencen 1980, faedah bagi Gantian Cuti Rehat (GCR) diberi bagi cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan demi kepentingan perkhidmatan sehingga maksimum sebanyak 150 hari kepada pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan. Sehingga kini, Kerajaan Negeri Kelantan telah membuat bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) melalui kaedah faraid.
- 2.4 Pihak Jabatan Mufti Negeri Kelantan berpandangan Gantian Cuti Rehat tidak termasuk di dalam kategori harta pusaka yang perlu dibahagi secara faraid dan bersetuju dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk membayar bayaran secara terus kepada waris apabila berlaku kematian seseorang penjawat awam.

3. KAEADAH PELAKSANAAN

- 3.1 Bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) dibayar kepada anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang meninggal dalam perkhidmatan akan dibuat terus dengan kadar segera kepada waris/tanggungan yang layak.

✓ 3.2

Tanggungan yang layak mendapat Gantian Cuti Rehat adalah :-

- 1) Balu atau duda;
- 2) Anak (mereka yang menguruskan pengurusan jenazah)
- 3) Ibu kepada pegawai yang mati atau jika ibunya telah mati, bapa tanggungannya.

(Bagi anggota yang tidak mempunyai orang tanggungan, maka Gantian Cuti Rehat (GCR) boleh dibayar kepada wakil yang sah disisi undang-undang).

- 3.3 Manakala bagi pembahagian syer adalah :
- 1) 1/10 kepada ibu/bapa
 - 2) 9/10 kepada balu/duda/anak

-T.M.: menjelaskan
KAEDAH PELAKSANAAN
GCR

3.4 Formula pengiraan Gantian Cuti Rehat (GCR) :

$1/30 \times \text{cuti rehat dikumpul} \times \text{emolumen}^*$

- *Emolumen adalah gaji akhir termasuk imbuhan tetap.*

4. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Bagi kes kematian dalam perkhidmatan, Ketua Jabatan hendaklah memastikan:

- (i) permohonan Faedah Terbitan dan Gantian Cuti Rehat diuruskan oleh Jabatan terakhir arwah (pegawai) berkhidmat dengan mengemukakan borang permohonan Faedah Terbitan dan dokumen kepada Kumpulan Wang Diperbadankan (KWAP) dan permohonan kelulusan Gantian Cuti Rehat (GCR) dikemukakan terus kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
- (ii) memastikan pengumpulan GCR yang dibuat sepanjang tempoh perkhidmatan adalah teratur;
- (iii) memastikan GCR yang dikumpul tidak melebihi 150 hari melalui borang JPA.BP.UMUM.B02.;

5. PENGEKALAN

Peraturan, syarat, kaedah pengumpulan, perkiraan dan prosedur permohonan GCR yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2003, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2004, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2005 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2008 adalah masih terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan pelaksanaan kaedah pembayaran ini.

6. TARIKH KUAT KUASA

Pelaksanaan kaedah pembayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) bagi pegawai yang meninggal dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri Kelantan mulai 1 Januari 2020 dibayar terus kepada waris berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020. ✓

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"

DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN HAJI TENGKU JAAFAR, D.P.S.K (Kelantan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

**b.p: SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
KELANTAN**

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Bertarikh : Rejab 1441H
15 Mac 2020

Kepada:

- Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- Semua Ketua Jabatan Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Tempatan
- Semua Ketua Bahagian,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan